

## IMPLIKASI SOSIOLOGI PEMIKIRAN GEORGE HERBERT MEAD

Najeemah Mohd Yusof  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

**Abstrak:** Tujuan artikel ini ialah untuk menjelaskan tentang sifat semula jadi masyarakat manusia dari sudut pandangan George Herbert Mead. Walaupun Mead telah meletakkan masyarakat manusia dalam satu peringkat yang sangat penting dalam skema pemikirannya, tetapi beliau kurang menjelaskan tentang ciri-ciri manusia. Dengan pendedahan beliau yang sangat cemerlang tentang pemikiran dan perasaan yang dimiliki oleh manusia sejak azali, beliau tidak menghuraikan skema teoritikal masyarakat manusia. Perkara utama yang dibincangkan dalam artikel ini ialah tentang diri, tindakan, interaksi sosial, kebendaan dan tindakan bersama yang relevan dengan skema pemikiran manusia yang dilihat oleh Mead sebagai satu struktur dan bukan sebagai satu proses.

**Abstract:** Purpose of this article is to depict the nature of human society when seen from the point of view of George Herbert Mead. While Mead gave human society a position of paramount importance in his scheme of thought, he did little to outline its character. In making his brilliant contributions along the perspective that human beings possess minds and consciousness as original givens, he did not map out a theoretical scheme of human society. The central matters discussed in this article shall consider the self, the act, social interaction, objects and joint actions that are relevant to the scheme of thought of human being as Mead saw the self as a process and not as a structure.

### PENGENALAN

George Herbert Mead merupakan tokoh falsafah Amerika Syarikat yang terbilang. Beliau telah menerbitkan banyak kertas kerja tentang proses sosial dalam komunikasi dan masyarakat yang berkaitan minda dan individu. John Dewey dan Alfred North Whitehead, pakar falsafah dan sosiologi, menganggap Mead sebagai seorang pemikir kategori tertinggi. Dalam buku Mead yang bertajuk *Mind, Self and Society* (1934), beliau meletakkan kedudukan masyarakat manusia paling utama dalam skema pemikirannya. Beliau tidak banyak menggariskan sifat-sifat tersebut. Tumpuan utama beliau hanyalah pada masalah falsafah kardinal. Perkembangan idea beliau tentang masyarakat manusia kebanyakannya terbatas untuk menangani masalah ini (Mead 1934: 15).

*Mind is an emergent out of the interaction of organic individuals in a social matrix. Mind is not a substance located in some transcendent realm, nor is it merely a series of events that takes place within the human physiological structure.*

Olahan beliau menunjukkan bahawa kehidupan kumpulan manusia merupakan asas bagi kewujudan kesedaran, akal, dunia, objek, dan manusia sebagai organisma yang menguasai diri, dan kelakuan manusia dalam bentuk gagasan kelakuan. Beliau menolak anggapan tradisional yang mendasari falsafah, psikologi dan pemikiran sosiologi bahawa manusia memiliki akal dan kesedaran sebagai "pemberian" asli, iaitu:

1. bahawa mereka tinggal di dalam dunia objek yang prawujud dan terbentuk sendiri;
2. tingkah laku mereka terdiri daripada respons terhadap objek tersebut; dan
3. kehidupan kumpulan terdiri daripada kaitan tindakan organisma manusia tersebut.

Dalam usaha memberi sumbangan yang cemerlang dalam pemikiran manusia, beliau tidak menerangkan skema teori masyarakat manusia. Namun, skema seperti itu tersirat dalam kerja beliau, seperti yang dinyatakan di dalam buku *Mind, Self and Society* (1934: 21),

*Consciousness of meaning is that which permits the individual to respond to her own gestures as the other responds. A gesture, then, is an action that implies a reaction. The reaction is the meaning of the gesture and points toward the result of the action initiated by the gesture. Gestures become significant symbols when they implicitly arouse in an individual making them the same responses which they explicitly arouse, or are supposed to arouse, in other individuals, the individuals to whom they are addressed.*

Skema perlu dibentuk dengan mengesan implikasi masalah utama yang dianalisis oleh beliau. Masalah utama yang akan dipertimbangkan ialah: (1) diri, (2) tindakan, (3) interaksi sosial, (4) objek, dan (5) tindakan bersama.

## **MANUSIA SEBAGAI SATU INDIVIDU ATAU SELF**

Mead (1934) menggambarkan manusia sebagai seorang pelaku yang berbeza secara radikal daripada tanggapan bahawa manusia mendominasikan psikologi dan sains sosial terkini. Beliau melihat manusia sebagai satu organisma yang tersendiri. Pemilikan diri mengubah manusia menjadi seorang pelaku yang sangat istimewa, mengubah hubungannya dengan dunia, dan memberikan suatu ciri

yang unik terhadap tindakannya. Dengan menyatakan bahawa manusia mempunyai diri, Mead bermaksud bahawa manusia merupakan objek untuk dirinya sendiri. Manusia mungkin boleh menerima dirinya, mempunyai tanggapan tentang dirinya, berkomunikasi dengan dirinya, dan bertindak terhadap dirinya. Apabila perlakuan tersebut terlibat, manusia mungkin menjadi objek terhadap tindakannya sendiri. Hal ini memberikannya cara untuk berinteraksi dengan diri sendiri, contohnya memanggil dirinya, memberi respons atau gerak balas terhadap panggilan, dan memanggil dirinya semula. Interaksi diri seperti itu bermaksud dia membuat arahan terhadap dirinya dan memenuhi arahan tersebut dengan membuat arahan yang selanjutnya. Manusia boleh menamai benda untuk dirinya seperti kemahuannya, kesakitannya, matlamatnya, objek di sekelilingnya, kehadiran orang lain, tindakan mereka, jangkaan tindakan mereka dan lain-lain. Melalui interaksi seterusnya dengan dirinya sendiri, dia mungkin mengadili, menganalisis dan menilai perkara-perkara yang telah dia namai untuk dirinya. Melalui interaksi yang berterusan dengan dirinya, dia mungkin merancang dan mengorganisasi tindakannya dengan *regard* yang telah dia namai dan nilai. Kesimpulannya, pemilikan diri menyediakan manusia dengan mekanisme interaksi diri untuk berhadapan dengan dunia sebagai satu mekanisme yang digunakan untuk membentuk dan membimbing kelakuannya.

Mead melihat diri sebagai satu proses dan bukannya satu struktur. Di sini, Mead secara jelas membezakan diri dalam manusia dengan mengaitkannya dengan sejenis organisasi atau struktur. Kita semua biasa dengan amalan ini kerana ia berada di sekeliling kita. Oleh itu, kita melihat cendekiawan mengaitkan diri dengan "ego", atau menganggap diri sebagai sebuah badan yang tersusun dalam hal kehendak atau motif, atau memikirkannya sebagai suatu organisasi sikap/attitud, atau menganggapnya sebagai suatu struktur daripada norma dan nilai kebatinan. Skema seperti ini yang cuba menyerapkan diri dalam suatu struktur dilihat tidak masuk akal kerana mereka tertinggal proses refleksif yang boleh membentuk dan mendedahkan diri. Bagi sebarang anjuran struktur untuk menjadi diri, ia perlu bertindak dan bergerak balas terhadapnya, kalau tidak ia hanya sebuah organisasi yang menunggu pengaktifan dan pelepasan tanpa meninggalkan sebarang kesan terhadap dirinya atau terhadap operasinya. Hal ini menandakan kelemahan yang genting atau kekurangan bagi semua skema seperti yang dirujuk di atas, yang secara salah mengaitkan diri dengan psikologi atau struktur. Sebagai contoh, ego bukanlah diri; ego hanya menjadi diri apabila menjadi refleksif, apabila bertindak terhadap atau pada dirinya. Perkara yang sama juga benar untuk mana-mana anjuran struktur psikologi. Namun, tindakan refleksif seperti ini mengubah status dan ciri struktur dan mengangkat proses interaksi diri pada kedudukan yang paling utama.

Kita boleh melihat hal ini dalam kes proses refleksif yang telah diasangkan oleh Mead dalam manusia. Seperti yang dinyatakan, proses refleksif ini merupakan

proses seseorang membuat arahan kepada dirinya. Hal ini bermakna, mengambil perhatian bagi sesuatu perkara dan menentukan kepentingannya bagi setiap tindakan. Untuk menentukan sesuatu, seseorang itu perlu berhadapan dengannya dan meletakkan diri dalam keadaan untuk bertindak terhadapnya dan bukannya bergerak balas secara automatik terhadapnya. Untuk berhadapan dengan sesuatu yang telah ditentukan oleh seseorang, seseorang itu perlu menahan tindakan terhadapnya, memeriksanya, mengadilinya, memastikan maknanya, menentukan kemungkinannya dan tindakan langsung seseorang terhadap tindakan tersebut. Dengan mekanisme interaksi diri, manusia bukan lagi merupakan organisma yang bergerak balas, yang perlakunya merupakan hasil daripada perkara yang berlaku terhadapnya dari luar, dalam, atau kedua-duanya. Namun, dia bertindak terhadap dunianya, mentafsirkan perkara yang dihadapinya dan mengatur tindakannya berdasarkan tafsirannya. Sebagai contoh:

1. kesakitan yang dirasai dan ditafsirkan adalah berbeza daripada perasaan semula jadi yang menjadi asas untuk melakukan sesuatu tentangnya dan bukannya hanya bergerak balas secara semula jadi terhadapnya;
2. mengambil perhatian dan mentafsirkan aktiviti orang lain adalah berbeza daripada mendapat gerak balas hasil aktiviti tersebut;
3. untuk mengetahui bahawa seseorang itu berada dalam keadaan lapar adalah berbeza dengan hanya berasa lapar; dan
4. untuk melihat "ego" seseorang, iaitu dengan meletakkan seseorang dalam keadaan melakukan sesuatu berkaitan dengannya dan bukan hanya memberi penyataan terhadap ego.

Seperti yang digambarkan, proses interaksi diri meletakkan manusia berhadapan dengan dunianya dan bukan hanya di dalamnya. Menurut Blumer (1973: 43) dari perspektif sosiologi, *the human individual exist in a social situation and responds to that situation. The situation has a particular character, but this character does not completely determine the response of the individual.*

Hal ini memerlukan seseorang individu berhadapan dan menangani dunianya melalui proses yang tertentu dan bukan hanya bergerak balas terhadapnya, dan memaksanya untuk membentuk tindakannya dan bukan hanya melepaskannya. Hal inilah yang dikatakan tindakan semula jadi yang dilihat oleh Mead dalam diri manusia.

## TINDAKAN

Tindakan manusia memerlukan ciri perbezaan yang radikal sebagai hasil yang terbentuk melalui proses interaksi diri (Aboulafia 1986). Tindakan dibina untuk berhadapan dengan dunia dan bukan hanya dilepaskan daripada prakewujudan

struktur psikologi oleh faktor yang dimainkan oleh struktur tersebut. Dengan membuat arahan terhadap diri dan dengan mentafsirkan perkara yang telah diarahkan, manusia perlu berhadapan atau menyatukan tindakannya. Untuk bertindak, seseorang individu perlu menentukan kehendaknya, memastikan objektif atau matlamat, melakar tingkah laku yang dijangka, mengambil perhatian dan mentafsirkan tindakan orang lain, menilai keadaannya, memeriksa dirinya setiap masa, memikirkan perkara yang perlu dilakukan pada suatu tahap yang lain, dan selalu mendorong dirinya apabila berhadapan dengan keadaan yang baik atau tidak menggalakkan. Kenyataan bahawa tindakan manusia adalah secara langsung atau terbina bermakna si pelaku perlu amalan yang cemerlang dalam gagasannya. Sesungguhnya, dia mungkin melakukan kerja yang sangat teruk dalam mengatur tindakannya. Dia mungkin gagal untuk mengambil perhatian terhadap perkara yang memerlukan perhatiannya, dia mungkin tersalah tafsir perkara yang diketahuinya, dia mungkin membuat penilaian yang salah, dia mungkin tersalah sewaktu melakarkan tindakan yang dijangka, dan dia mungkin juga separuh hati dalam persaingan dengan keadaan yang mudah. Kekurangan seperti ini dalam membina tindakannya tidak menggambarkan kenyataan bahawa tindakannya tetap dibentuk olehnya hasil daripada perkara yang telah dipertimbangkannya. Perkara yang dipertimbangkannya merupakan perkara yang telah ditentukan oleh dirinya sendiri. Perkara itu meliputi kehendaknya, perasaannya, matlamatnya, tindakan orang lain, jangkaan dan kemahuan orang lain, peraturan kumpulannya, keadaannya, konsep tentang dirinya, ingatannya, dan gambaran jangkaan tindakannya. Dia bukan hanya berada dalam keadaan penerima tindak balas terhadap perkara tersebut; dia berhadapan dengannya dan perlu menanganinya. Dia perlu mengatur atau memotong garisan tindakan dalam menanganinya (Aboulafia 1986; Joas 1997; Strauss 1998).

Cara untuk melihat tindakan manusia amat bertentangan dengan perkara yang mendominasi psikologi dan sains sosial. Dalam bidang sains ini, tindakan manusia dilihat sebagai hasil faktor yang memainkan peranan terhadapnya atau melalui pelaku manusia itu (Ames 1967). Hal ini bergantung pada keutamaan cendekiawan itu, faktor penentu tersebut mungkin merupakan rangsangan psikologi, dorongan semula jadi, kemahuan, perasaan, motif tidak sedar, motif sedar, sentimen, idea, kelakuan, norma, nilai, keperluan peranan, status, tuntutan kebudayaan, tekanan keinstitusian, atau keperluan sistem sosial. Walau apa ju faktor yang dipilih, sama ada satu atau secara gabungan, tindakan dianggap sebagai hasil, dan oleh itu, dijelaskan dalam terma-termanya. Formulanya mudah – faktor yang ada dimainkan terhadap manusia untuk menghasilkan jenis perlakuan yang ada. Formula ini selalu dihuraikan seperti berikut. Dalam keadaan tertentu, faktor-faktor yang ada memainkan peranan terhadap organisasi manusia yang ada akan menghasilkan jenis perlakuan yang ada. Formulanya, adalah sama ada dalam bentuk mudah atau huraihan, mewakili cara manusia bertindak dilihat melalui teori dan kajian. Dalam situasi sedemikian, manusia menjadi medium

atau forum untuk operasi faktor-faktor yang menghasilkan perlakuan (Miller, 1973). Skema Mead pada asasnya, berbeza daripada formula ini. Dalam keadaan sebagai medium untuk operasi bagi faktor-faktor penentu yang memainkan peranan terhadapnya, manusia dilihat sebagai organisma yang aktif, berhadapan, berurusan, dan bertindak terhadap objek yang ditentukannya. Tindakan dilihat sebagai kelakuan yang dibentuk oleh pelaku daripada hanya bergerak balas yang diperlihatkan daripada sejenis organisasi yang terjadi dalam dirinya. Kita boleh mengatakan bahawa, formula tradisional tindakan manusia gagal untuk mengenal pasti bahawa manusia ialah dirinya sendiri. Sebaliknya, skema Mead berdasarkan pengiktirafan ini.

## INTERAKSI SOSIAL

Satu penerangan yang ringkas tentang analisis Mead berkenaan dengan interaksi sosial di mana beliau mengenal pasti dua bentuk atau tahap interaksi sosial, iaitu:

### 1. Interaksi tidak simbolik

Dalam interaksi ini, manusia bertindak secara langsung terhadap gerak isyarat atau tindakan orang lain.

### 2. Interaksi simbolik

Manusia mentafsir setiap gerak isyarat dan bertindak berdasarkan hasil makna tafsiran tersebut.

Gerak balas bawah sedar (*unwitting response*) terhadap nada suara orang lain menggambarkan interaksi tidak simbolik. Tafsiran tentang menggoncangkan penumbuk, menunjukkan seseorang itu bersedia untuk menyerang interaksi simbolik yang digambarkan. Mead lebih banyak memberi tumpuan terhadap interaksi simbolik. Interaksi simbolik melibatkan interpretasi, atau memastikan maksud tindakan atau kata-kata orang lain, dan definisi, atau menyampaikan arahan kepada orang lain tentang cara untuk dia bertindak. Hubungan manusia terdiri daripada proses interpretasi dan definisi. Melalui proses ini, peserta menyesuaikan tindakan mereka dengan tindakan orang lain yang berterusan, dan membimbing mereka untuk melakukannya.

Beberapa perkara penting perlu diberi perhatian dalam kes interaksi simbolik ini, iaitu:

1. Interaksi simbolik merupakan proses pembentukan. Amalan yang lazim dalam bidang psikologi dan sosiologi adalah untuk menganggap interaksi sosial sebagai medium semula jadi, hanya sebagai forum untuk operasi

- faktor-faktor luaran. Oleh itu, ahli psikologi terdorong untuk mengambil kira kelakuan manusia dalam interaksi dengan mengambil jalan keluar pada unsur-unsur pelengkap psikologi antaranya unsur-unsur motif, perasaan, kelakuan, atau organisasi personaliti. Ahli sosiologi (Baldwin 1986; Cook 1993; Hamilton 1993; Joas 1993) membuat perkara yang sama dengan mengambil jalan keluar pada faktor-faktor masyarakat, contohnya panduan kebudayaan, nilai, peranan sosial, atau tekanan struktural. Kedua-dua bidang tersebut (psikologi dan sosiologi) tertinggal fakta utama, iaitu interaksi manusia merupakan proses pembentukan yang positif. Peserta di dalamnya harus membina garisan kelakuan masing-masing melalui tafsiran yang tekal bagi setiap garis tindakan yang berterusan antara satu sama lain. Apabila peserta mengambil kira tindakan yang berterusan antara satu sama lain, mereka perlu menyekat, mengenal pasti, atau menyesuaikan niat, harapan, perasaan, dan tingkah laku mereka; begitu juga, mereka perlu menilai kesesuaian norma, nilai, dan anggapan kumpulan tentang keadaan yang terbentuk oleh tindakan orang lain. Faktor-faktor pelengkap psikologi, dan organisasi sosial bukanlah pengganti untuk proses-proses yang memberikan tafsiran; ia hanya boleh diterima dalam syarat-syarat cara ia ditangani dalam proses memberikan tafsiran. Interaksi simbolik perlu dilihat dan dikaji dalam bentuknya yang tersendiri.
2. Kehidupan kumpulan manusia mengambil ciri-ciri proses yang berterusan dalam menyesuaikan pembentukan garisan tindakan antara satu sama lain. Penyesuaian garisan tindakan dilakukan melalui dua proses, iaitu definisi dan interpretasi. Kedua-dua proses ini beroperasi bersama untuk mengekalkan corak tindakan bersama yang terbina dan membukanya pada transformasi. Corak yang telah terbina dalam kehidupan kumpulan wujud dan berkekalan hanya melalui penggunaan skema interpretasi yang sama secara berterusan; dan skema interpretasi seperti ini dapat dikekalkan hanya melalui pengesahan yang berterusan dengan menjelaskan tindakan orang lain. Amat penting untuk mengenal pasti corak kehidupan kumpulan yang terbina, bukan hanya melibatkan diri mereka tetapi juga bergantung pada kesinambungan pada definisi perakuan yang berulang-ulang. Pergantungan interpretasi bagi menjelaskan tindakan orang lain juga menerangkan alasan interaksi simbolik menyebabkan transformasi yang jelas pada bentuk aktiviti bersama yang membentuk kehidupan kumpulan. Dalam aliran kehidupan kumpulan, terdapat banyak fakta, iaitu peserta menjelaskan semula tindakan satu sama lain. Definisi semula seperti ini adalah sama dalam hubungan yang berlawanan, biasa dalam perbincangan kumpulan, dan pada dasarnya intrinsik untuk berurusan dengan masalah. (Oleh itu, boleh dinyatakan tiada manusia yang tidak mempunyai masalah.) Definisi semula memberikan pembentukan ciri pada interaksi manusia, memberi kenaikan padanya atau yang menunjukkan objek baru, anggapan

baru, hubungan baru, dan jenis pelakuan baru. Kesimpulannya, pergantungan terhadap interaksi simbolik menyebabkan kehidupan kumpulan manusia merupakan satu proses perkembangan dan bukannya hanya satu isu atau hasil psikologi atau struktur sosial.

3. Dalam proses membuat definisi dan interpretasi tentang tindakan antara satu sama lain yang tertumpu pada interaksi manusia, interaksi simbolik dapat meliputi semua bentuk generik dalam hubungan manusia (Blumer 1973). Interpretasi tindakan merangkumi hubungan yang sama sebagai kerjasama, konflik, penguasaan, eksplorasi, persetujuan, pertentangan pendapat, kaitan identifikasi yang rapat, dan keimbangan satu sama lain. Peserta dalam setiap hubungan itu mempunyai tugas yang sama untuk menumpukan tindakan mereka dengan mentafsirkan dan menjelaskan tindakan satu sama lain. Kepentingan pemerhatian yang mudah ini menjadi bukti untuk membezakan interaksi simbolik dengan skema-skema interaksi manusia yang pelbagai, yang boleh dilihat dalam literatur. Selalunya skema-skema ini membina satu model umum berkenaan interaksi manusia atau masyarakat berdasarkan jenis hubungan manusia yang tertentu. Satu contoh kontemporari yang cemerlang ialah skema Talcott Parson (1965) dalam bukunya, *Towards a general theory of action*, mengandaikan dan menyatakan bahawa asal dan generik bentuk interaksi manusia ialah 'pelengkap jangkaan'. Skema lain menggambarkan asas dan model generik interaksi manusia sebagai 'konflik', yang lain menjelaskannya sebagai 'identiti melalui sentimen yang sama'. Ada juga skema yang merupakan persetujuan dalam bentuk 'sepersetujuan'. Skema seperti ini bersifat parokial/sempit. Bahayanya terletak pada interaksi manusia yang luas, gambaran yang diambil daripada kajian terhadap satu bentuk interaksi. Oleh itu, pada pendapat lain, masyarakat manusia dikatakan sebagai asas perkongsian nilai yang sepunya; atau bercakap, perebutan kuasa; atau masih berbeza, amalan sepersetujuan; dan lain-lain lagi. Fakta mudah yang tersirat dalam analisis Mead berkenaan interaksi simbolik ialah manusia. Dalam mendefinisi dan menginterpretasi tindakan satu sama lain, manusia boleh dan memenuhi satu sama lain dalam semua bidang hubungan. Cadangan skema-skema tentang masyarakat manusia harus menghormati fakta yang mudah ini.

## OBJEK

Konsep objek merupakan tunggak lain yang penting dalam analisis skema Mead. Manusia hidup di dalam dunia atau persekitaran yang penuh dengan objek dan segala aktiviti mereka juga terbentuk daripada objek di persekitaran. Penyataan yang hambar ini menjadi sangat signifikan apabila disedari bahawa objek bagi

Mead ialah pembinaan manusia bukannya kewujudan diri dengan sifat semula jadi yang menarik. Sifat mereka bergantung pada orientasi dan tindakan manusia terhadap mereka. Perlu dijelaskan bahawa bagi Mead, objek ialah apa-apa sahaja yang boleh direka atau dijadikan rujukan. Ia boleh wujud dalam bentuk fizikal seperti kerusi atau sesuatu yang hanya boleh digambarkan seperti hantu, semula jadi seperti awan di langit atau juga buatan manusia seperti automobil/kereta, binaan seperti bangunan Empire State atau sesuatu yang abstrak seperti konsep kebebasan, bernyawa seperti gajah atau tidak bernyawa seperti batu arang, termasuk kelas masyarakat seperti ahli politik atau terhad pada orang tertentu sahaja seperti Presiden de Gaulle, tetapi seperti sifir darab atau kabur seperti doktrin falsafah. Secara ringkasnya, objek terdiri daripada apa-apa sahaja yang ditunjukkan atau dijadikan rujukan oleh manusia.

Terdapat beberapa perkara penting dalam analisis objek, iaitu:

1. Sifat semula jadi objek ditentukan berdasarkan maksudnya kepada seseorang atau orang yang menganggapnya sebagai objek (Joas 1993).
2. Maksud ini tidak menarik bagi objek tetapi wujud daripada cara seseorang itu bersedia untuk bertindak terhadapnya. Kesediaan untuk menggunakan kerusi sebagai alat untuk duduk memberikan maksud kerusi; kepada sesiapa yang tidak mempunyai pengalaman terhadap penggunaan kerusi, objek akan wujud dengan maksud yang berbeza seperti senjata yang berbahaya. Jadi, objek berbeza mengikut maksudnya. Pokok tidak bermaksud pokok bagi pembalak, ahli botani atau penyajak; bintang merupakan objek yang berbeza antara ahli astronomi moden dengan penggembala; komunisme ialah objek yang berbeza bagi patriot Soviet dan broker Wall Street (Joas 1993; Cook 1993).
3. Semua objek merupakan produk sosial, iaitu ia dibentuk dan diubah bentuk mengikut proses yang memberi maksud padanya dalam interaksi sosial. Maksud objek – kerusi, pokok, bintang, pelacur, wali/santo, komunisme, pendidikan awam atau lain-lain lagi – dibentuk daripada cara manusia merujuk objek tersebut atau cara mereka bertindak terhadapnya.
4. Manusia telah bersedia atau ditetapkan untuk bertindak terhadap objek berdasarkan maksud objek itu pada diri mereka. Sebenarnya, organisasi manusia terdiri daripada objek, iaitu kecenderungannya untuk bertindak berdasarkan maksud (Joas 1993; Aboulafia 1995).
5. Oleh sebab objek ialah sesuatu yang direka, maka seseorang itu boleh mengawal tindakannya terhadap objek tersebut daripada terus terburu-buru bertindak balas terhadapnya; seseorang itu juga boleh memeriksa objek

tersebut, berfikir terlebih dahulu, merancang tindakan terhadapnya atau membuat keputusan sama ada hendak bertindak atau tidak. Melihat objek dari sudut logik atau psikologi, seseorang itu bebas daripada tindakan paksaan terhadapnya. Dari sudut yang lebih mendalam, objek berbeza daripada rangsang asal (Baldwin 1986; Cook 1993; Joas 1993).

Analisis objek ini meletakkan kehidupan manusia dalam perspektif yang baru dan menarik. Manusia dilihat hidup dalam dunia yang penuh dengan objek bermakna; bukannya dalam persekitaran yang dirangsang atau entiti bina diri. Dunia ini, secara sosialnya terhasil daripada jalinan proses interaksi sosial. Oleh itu, kumpulan yang berbeza akan membentuk dunia yang berbeza – dan dunia ini berubah selari dengan perubahan maksud objek yang membentuknya. Memandangkan manusia telah ditetapkan tindakannya berdasarkan maksud objek, maka dunia objek sesuatu kumpulan diwakili dalam dunia asal tindakan organisasinya. Untuk mengenal pasti dan memahami kehidupan kumpulan, perlu mengenal pasti dunia objeknya. Akhir sekali, manusia tidak terikat pada objek; mereka boleh mengawasi tindakan terhadap objek dan boleh merancang cara pengendalian baru terhadapnya. Hal ini memperkenalkan sumber transformasi asal dalam kehidupan manusia secara berkumpulan

## TINDAKAN BERSAMA

Istilah "tindakan bersama" digunakan bagi istilah "tindakan sosial" yang dikemukakan oleh Mead. Istilah ini merujuk pada bentuk tindakan kolektif yang besar yang digabungkan dengan cara menyesuaikan semua jenis perlakuan peserta yang berbeza. Contoh tindakan bersama ialah transaksi perdagangan, makan malam keluarga, majlis perkahwinan, membeli-belah, permainan, majlis yang meriah, perbahasan, perbicaraan mahkamah atau peperangan (Rosenthal 1991). Dalam setiap contoh, Rosenthal (1991) mendapati ada satu bentuk tindakan bersama yang tersendiri dan dapat dikenal pasti melalui tindakan pesertanya. Tindakan bersama mungkin berbentuk kerjasama yang mudah antara dua individu atau persepakatan yang kompleks seperti kelakuan organisasi atau institusi yang besar. Di mana-mana sahaja dalam masyarakat manusia, kita dapatkan orang ramai terlibat membentuk tindakan bersama. Malah, kesemua contoh tersebut – dalam semua kepelbagaiannya mereka, perkara yang menggabungkan mereka dan jaringan mereka yang kompleks – melibatkan kehidupan mereka dalam masyarakat. Berdasarkan perkara ini, maka mudah difahami alasan Mead menganggap tindakan bersama atau tindakan sosial sebagai ciri yang membezakan masyarakat. Bagi beliau, tindakan sosial merupakan unit asas dalam masyarakat. Oleh itu, analisisnya hanyalah berdasarkan sifat generik masyarakat.

Sebagai permulaan, tindakan bersama tidak boleh dianggap perlakuan peserta yang sama atau sama jenis (Natanson 1969). Menurut Natanson (1969), setiap peserta mempunyai kedudukan yang berbeza, bertindak daripada kedudukan tersebut dan terlibat dengan tindakan lain yang berasingan dan tersendiri. Tindakan bersama ialah penyesuaian kesemua tindakan itu, bukannya persamaan tindakan mereka. Bagaimana tindakan yang berasingan ini dapat disesuaikan dalam masyarakat manusia? Persepakatan mereka bukannya terbentuk secara automatik atau terbentuk daripada penyesuaian yang tidak disengajakan seperti susunan ekologi dalam komuniti tumbuhan. Sebaliknya, para peserta menyesuaikan tindakan mereka secara bersama. Antaranya:

1. dengan mengenal pasti tindakan sosial yang ingin diceburi, dan
2. dengan menginterpretasi dan mendefinisi tindakan masing-masing dalam membentuk tindakan bersama.

Menurut Rosenthal (1991), dengan mengenal pasti tindakan sosial atau tindakan bersama, para peserta mampu menyesuaikan diri mereka dan mempunyai hak untuk mentafsir tindakan orang lain dan mempunyai panduan untuk mengarahkan tindakannya bersesuaian dengan tindakan orang lain. Oleh itu, untuk bertindak sewajarnya, peserta harus mengenal pasti majlis perkahwinan sebagai majlis perkahwinan, sokongan sebagai sokongan, perbahasan sebagai perbahasan, peperangan sebagai peperangan dan sebagainya. Akan tetapi, walaupun pengenalpastian telah dibuat, peserta dalam tindakan bersama yang dibentuk masih lagi perlu mentafsir dan menentukan tindakan masing-masing yang berterusan. Mereka harus memastikan perkara yang sedang dilakukan oleh orang lain dan membuat perancangan untuk melakukannya serta saling memberitahu perkara yang harus dilakukan.

Analisis ringkas tentang tindakan bersama ini membolehkan kita mengenal pasti beberapa perkara yang mempunyai kepentingan tersendiri, antaranya:

1. Perkara pertama yang menarik perhatian ialah kenyataan bahawa inti pati masyarakat terletak pada proses tindakan yang berterusan – bukannya pada struktur hubungan yang dianjurkan. Tanpa tindakan, sebarang struktur hubungan antara manusia tidak bermakna. Sesebuah masyarakat harus dilihat dan difahami dari sudut tindakan yang membentuknya.
2. Tindakan tersebut harus dilihat dan dilakukan (*treated*) bukannya dengan mengenal pasti perbezaan tindakan peserta, sama ada pesertanya borseorangan, berkumpulan atau organisasi – sebaliknya, dilihat dari sudut tindakan bersama yang dapat disesuaikan dan digabungkan oleh tindakan yang berbeza. Beberapa orang pelajar masyarakat manusia telah memahami sepenuhnya perkara ini atau implikasinya.

3. Memandangkan ia dibentuk melangkaui masa dengan cara menyesuaikan tindakan, maka setiap tindakan harus dilihat sebagai mempunyai kerjaya atau sejarah. Dalam mempunyai kerjaya, ketentuannya bergantung pada perkara yang berlaku semasa pembentukannya.
4. Kerjaya ini biasanya teratur, ditetapkan, dan berulang-ulang memandangkan terdapat persamaan pengenalpastian atau pendefinisian tentang tindakan bersama yang dibuat oleh peserta. Definisi umum memberikan panduan kepada peserta yang akan mengarahkan tindakannya sendiri untuk disesuaikan dengan tindakan orang lain. Tujuan utama definisi sebegitu adalah untuk mengambil kira ketetapan, kestabilan dan keberulangan tindakan bersama dalam lingkungan kehidupan yang luas; mereka merupakan sumber tindakan sosial yang mantap dan berulang yang digambarkan oleh konsep kebudayaan.
5. Walau bagaimanapun, kerjaya tindakan bersama juga harus dilihat terdedah pada banyak kemungkinan ketidakpastian.

Penjelasan lanjut tentang kepentingan kemungkinan ini ialah:

1. Tindakan bersama harus diperkenalkan atau mungkin juga tidak perlu.
2. Sebaik sahaja diperkenalkan, tindakan bersama mungkin boleh tergendala, dibubarkan atau diubah.
3. Peserta mungkin tidak membuat definisi umum tentang tindakan bersama yang disertai oleh mereka, dan oleh itu menyesuaikan tindakan mereka ke premis yang berbeza.
4. Definisi umum tentang tindakan bersama mungkin masih membenarkan perbezaan yang ketara dalam arah tindakan yang berbeza dan seterusnya menjelaskan tindakan yang diambil oleh tindakan bersama. Peperangan ialah contoh terbaik tindakan bersama.
5. Mungkin timbul situasi baru sehingga memerlukan jenis tindakan bersama yang tidak ada, menyebabkan wujudnya usaha perbincangan yang mengelirukan untuk mencari penyesuaian tindakan.
6. Malah dalam konteks tindakan bersama yang telah diberikan definisi umum, peserta mungkin cenderung bergantung pada pertimbangan lain dalam usaha menginterpretasikan dan mendefinisikan tindakan masing-masing.

Anggapan bahawa kepelbagaiannya tindakan bersama yang membentuk masyarakat manusia telah ditetapkan untuk mengikut saluran yang telah ditetapkan hanyalah anggapan yang sia-sia sahaja (Rosenthal 1991).

Berdasarkan perbincangan sebelum ini tentang kedudukan, tindakan, interaksi sosial, objek dan tindakan bersama, satu gambaran tentang masyarakat manusia telah dapat diperoleh. Gambaran ini ditunjukkan dalam bentuk tindakan. Sesebuah masyarakat dilihat sebagai individu yang memenuhi pelbagai situasi yang dipercayainya berdasarkan keadaan hidup. Situasi ini dipenuhi dengan menjayakan tindakan bersama, iaitu para peserta harus bersepakat tentang tindakan masing-masing. Setiap peserta menjayakannya dengan mentafsir tindakan peserta lain dan memberikan arahan kepada peserta lain tentang tindakan yang patut dilakukannya (Joas 1993). Memandangkan proses pentafsiran dan penetapan tindakan bersama telah dibina; proses ini mempunyai kerjaya. Biasanya, tindakan bersama digariskan terlebih dahulu memandangkan para peserta membuat identifikasi umum tentangnya; keadaan ini membentuk ketetapan, kestabilan dan keberulangan tindakan bersama. Walau bagaimanapun, terdapat banyak tindakan bersama yang menghadapi halangan, iaitu yang tidak mempunyai laluan yang mantap pada awalnya dan yang perlu dibentuk semula sepanjang sistem yang baru. Mead melihat masyarakat manusia dalam cara ini sebagai proses sosial yang mempunyai kepelbagaiannya, iaitu manusia terlibat dalam pembentukan tindakan bersama untuk menghadapi situasi yang menghalang mereka (Baldwin 1986).

Gambaran masyarakat ini berbeza dengan pandangan dominan tentang masyarakat dalam sains sosial dan psikologi, malah berbeza dengan pandangan yang berpura-pura menganggap masyarakat sebagai tindakan. Menunjukkan perbezaan utama dalam perbezaan tersebut merupakan cara terbaik untuk mengkhususkan implikasi sosiologi cara pemikiran Mead (Ames 1967).

Perbezaan utama ialah pandangan dominan dalam sosiologi dan psikologi yang gagal melihat manusia sebagai organisma yang mempunyai diri. Sebaliknya, mereka menganggap manusia hanyalah sebagai organisma yang bergerak balas dan seterusnya menganggap tindakan hanyalah sebagai tindak balas terhadap faktor-faktor yang mengarah manusia. Perkara ini merupakan contoh untuk mengambil kira kelakuan manusia melalui faktor-faktor seperti matlamat, kehendak ego, sikap, keperluan peranan, nilai, status yang diingini dan tekanan struktural. Dalam pendekatan tersebut, manusia hanyalah sebagai medium bagi faktor-faktor baru menghasilkan tindakan yang diberikan. Pada pandangan Mead, konsep sedemikian terlalu memberikan gambaran yang salah tentang keadaan manusia dan tindakan manusia yang sebenarnya (Ames 1967). Skema Mead mengemukakan proses interaksi diri antara faktor baru dengan tindakan yang mungkin dilakukan oleh mereka secara sedar. Memandangkan terdapat interaksi

kendiri, maka manusia menjadi organisma yang bertindak memenuhi situasi selaras dengan fungsinya hanya sebagai organisma yang bergerak balas terhadap faktor yang mempengaruhinya. Tindakan ini menjadi sesuatu yang dibentuk dan diarahkannya untuk memenuhi situasi yang bersesuaian dengan tindak balas terbuka yang diwujudkannya. Dalam memperkenalkan diri, kedudukan Mead memfokuskan cara manusia mengendalikan dan menggaya dunia mereka, bukannya pada tindak balas yang sangat berbeza dengan faktor-faktor yang telah dikatakan (Cook 1993).

Malah, jika manusia ialah organisma yang mempunyai diri dan jika tindakan mereka merupakan hasil proses interaksi diri, maka skema yang mengkaji dan menjelaskan tindakan sosial harus menghormati dan mengambil kira ciri-ciri ini. Untuk melakukannya, skema terkini dalam sosiologi dan psikologi harus disemak secara radikal. Mereka harus menukar tumpuan mereka terhadap faktor baru dan hasil terminal kepada tumpuan terhadap proses pembentukan. Mereka harus menganggap tindakan sebagai sesuatu yang dibina oleh pelaku dan bukannya sesuatu yang diwujudkan olehnya. Mereka harus menggambarkan persekitaran tindakan melalui cara persekitaran tersebut terjadi pada pelaku bersesuaian dengan cara ia terjadi pada pelajar luar. Mereka harus menggabungkan proses pentakrifan yang pada ketika ini amat jarang disentuh atau dijelaskan oleh mereka. Mereka harus mengenal pasti bahawa sebarang tindakan yang diberikan mempunyai kerjaya yang dibina dan boleh diubah, dibiarkan begitu sahaja, dimansuhkan atau disusun semula.

Dari sudut metodologi atau kajian, penyelidikan tentang tindakan seharusnya dibuat daripada kedudukan pelakunya (Miller 1973). Memandangkan tindakan dilakukan oleh pelakunya berdasarkan perkara-perkara yang dapat dilihat, ditafsir dan dinilainya, maka seseorang itu harus melihat situasi yang berlaku sama seperti yang dilihat oleh pelakunya, melihat objek sama seperti yang dilihat oleh pelaku, memastikan maksudnya sama dengan maksud pelaku, dan mengikut cara pengendalian pelaku. Ringkasnya, seseorang itu harus berperanan seperti pelaku dan melihat dunianya daripada kaca matanya. Pendekatan metodologi sebegini berbeza daripada pendekatan objektif yang diterima kini. Antaranya, cara melihat pelaku dan tindakannya melalui perspektif pemerhati luar yang berkecuali. Pendekatan "objektif" berbahaya kerana pemerhati mungkin mengantikan pandangannya tentang tindakan dengan pandangan pelaku. Tindakan pelaku terhadap dunianya tidak semestinya berdasarkan cara dia melihatnya dan bukan juga berdasarkan cara pemerhati luar melihatnya.

Untuk menyambung perbincangan tentang perkara ini, maksud konsep struktural masyarakat manusia perlu diambil kira. Konsep sebegini melihat masyarakat sebagai organisasi yang mantap, yang lebih kita kenali sebagai struktur masyarakat, sistem sosial, kedudukan status, peranan sosial, penstrataan sosial,

struktur institusi, corak budaya, kod sosial, norma sosial dan nilai sosial. Konsep ini menganggap masyarakat manusia distrukturkan berdasarkan kedudukan sosial seseorang dalam masyarakat, corak kelakuan mereka.

Ia juga menganggap struktur yang menyambungkan kedudukan sosial dan corak kelakuan merupakan penentu keseluruhan bagi tindakan sosial; hal ini terbukti menjelaskan arahan konsep struktural sebagai keperluan peranan, kehendak status, perbezaan strata, preskripsi budaya, nilai dan norma (Pfuetze 1965).

Tindakan sosial terbahagi kepada dua kategori umum:

1. pengesahan, iaitu berpegang teguh atau setia pada struktur, dan
2. penyimpangan, iaitu meninggalkan struktur.

Disebabkan kedudukan dan fungsi penentuan yang utama, struktur yang menjadi kemestian dan merangkumi objek analisis penyelidikan sosiologi ditunjukkan melalui kenyataan universal bahawa kumpulan manusia atau masyarakat manusia merupakan satu "sistem sosial". Oleh itu, mungkin tidak perlu untuk membuat pemerhatian bahawa konsepsi masyarakat manusia sebagai struktur atau organisasi betul-betul menjadi inti sosiologi kontemporari.

Skema Mead ternyata mencabar konsep ini dengan alasan melihat:

1. masyarakat manusia bukan sebagai struktur yang mantap tetapi sebagai manusia yang memenuhi kehendak hidup mereka;
2. tindakan sosial terbentuk bukan daripada struktur sosial tetapi dibentuk oleh pelaku;
3. pembentukan tindakan ini bukan sebagai faktor sosial yang dilahirkan melalui organisma manusia tetapi sebagai binaan yang dibina oleh pelaku berdasarkan perkara-perkara yang diamatinya;
4. hidup berkumpulan bukannya sebagai pelepasan atau penyataan struktur sosial tetapi sebagai satu proses pembinaan tindakan bersama;
5. tindakan sosial sebagai sesuatu yang mempunyai pelbagai kerjaya yang boleh diubah, bukannya sebagai sesuatu yang terhad dalam lingkungan alternatif pengesahan atau melenceng daripada struktur sosial mantap yang telah ditetapkan;

6. interaksi antara bahagian dalam masyarakat bukan sebagai pengaruh secara langsung antara satu bahagian terhadap bahagian yang lain tetapi sebagai perantaraan sepanjang pentafsiran yang dibuat oleh manusia; dan
7. masyarakat bukan sebagai satu sistem sama ada dalam bentuk yang statik, berubah atau bergerak atau sebarang bentuk keseimbangan tetapi sebagai sejumlah besar tindakan bersama, banyak yang berkait rapat, banyak yang tidak berkaitan langsung, banyak gambaran awal dan pengulangan, yang lain dibentuk dengan arah baru dan kesemuanya dibuat untuk memenuhi kehendak peserta bukannya keperluan sistem.

## RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Diharapkan penerangan ini cukup untuk menunjukkan perbezaan yang ketara antara konsep masyarakat yang dikemukakan oleh Mead dengan konsep sosiologi yang menganggap masyarakat sebagai satu struktur. Ini tidak bermaksud Mead menolak kewujudan struktur dalam masyarakat manusia. Konsep seperti peranan sosial, kedudukan status, pangkat/taraf, organisasi birokratik, perhubungan antara institusi, perbezaan susunan kuasa, kod sosial, norma, nilai dan sebagainya ialah konsep yang amat penting. Namun, kepentingannya tidak termasuk dalam penentuan tindakan dan juga tidak termasuk dalam sebahagian daripada sistem sosial yang dikendalikan sendiri. Sebaliknya, konsep ini penting hanya jika ia terlibat dalam proses interpretasi dan definisi pembentukan tindakan bersama. Penglibatan konsep ini mungkin berbeza mengikut situasi bergantung pada pengamatan dan pencapaian manusia. Contohnya, beberapa orang ahli sosiologi (Blumer 1973; Miller 1973; Joas 1993) yang terkemuka menyatakan bahawa interaksi sosial ialah interaksi antara peranan sosial. Penyataan ini tidak munasabah kerana sudah jelas bahawa interaksi sosial ialah interaksi antara individu dan bukannya antara peranan; para peserta perlu mentafsir dan mengatasi perkara-perkara yang dihadapi oleh mereka – seperti topik perbualan atau masalah – dan bukannya memberikan pandangan tentang peranan mereka. Hanya perhubungan yang berunsur keagamaan sahaja yang memerlukan penjelasan peranan tentang arahan dan kandungan kawalannya. Biasanya, arahan dan kandungan tersebut menggambarkan perkara-perkara yang perlu dihadapi oleh individu yang berinteraksi. Penyataan bahawa peranan mempengaruhi perbezaan kedudukan fasa arahan dan kandungan tindakan adalah benar tetapi dalam kes yang diberikan, ia hanyalah merupakan satu penentuan. Keadaan ini jauh berbeza daripada memastikan bahawa tindakan berhasil daripada peranan. Berdasarkan pemerhatian saya terhadap perbincangan ringkas tentang peranan sosial ini mempunyai kaitan yang sama dengan hal-hal struktural yang lain.

Satu lagi implikasi skema Mead yang penting merujuk pada persoalan tentang faktor yang mengikat masyarakat manusia. Seperti yang diketahui, persoalan sebegini telah ditukarkan oleh ahli sosiologi (Rucker 1969; Smith 1970; Rosenthal 1991) menjadi masalah kesatuan, kestabilan dan keteraturan. Seperti yang telah kita ketahui, jawapan yang biasa diberikan oleh ahli sosiologi ialah kesatuan, kestabilan dan keteraturan wujud daripada perkongsian perkara asas tertentu seperti kod, sentimen dan yang terpenting nilai. Oleh itu, kecenderungannya ialah menganggap nilai biasa sebagai faktor yang mengikat masyarakat dan bertindak sebagai pengatur kawalan yang mewujudkan dan melaksanakan aktiviti dalam masyarakat secara teratur dan berfungsi sebagai kuasa yang mengekalkan kestabilan dalam masyarakat. Seterusnya, diputuskan bahawa konflik antara nilai atau perpecahan nilai akan menyebabkan perpecahan, kekacauan dan ketidakstabilan. Konsep masyarakat manusia ini menjadi subjek pengubahsuai jika kita menganggap masyarakat melibatkan penyesuaian tindakan untuk membentuk tindakan bersama. Penyesuaian tersebut mungkin berlaku atas banyak sebab bergantung pada situasi yang membentuk tindakan bersama dan tidak perlu melibatkan perkongsian nilai. Manusia mungkin menyesuaikan kelakuan sesama mereka dalam tindakan bersama yang teratur berdasarkan sikap tolak ansur dan tanpa sebarang dures. Mereka mungkin saling menggunakan antara satu sama lain dalam usaha mencapai kesudahan yang diingini memandangkan keadaan seperti ini wajar dilakukan atau tidak menyimpang daripada keperluan. Keadaan seperti ini biasanya berlaku dalam masyarakat moden dan kompleks, dengan pelbagai perbezaan komposisi seperti minat dan cara mengamati dunia. Dalam skala yang lebih besar, masyarakat menjadi pembentuk bagi hubungan yang mudah dibentuk. Tindakan merangkumi, menganalisis dan memahami kehidupan masyarakat dengan anggapan bahawa kewujudan masyarakat bergantung terutamanya pada perkongsian nilai boleh menyebabkan ketegangan perlakuan, salah gambaran dan salah tafsiran. Perspektif Mead terhadap persoalan tentang cara manusia dipengaruhi untuk menyesuaikan kelakuan mereka dalam situasi yang berbeza menggantikan anggapan bahawa keperluan ini berpunca daripada perkongsian nilai biasa merupakan pendekatan yang lebih berguna dan realistik.

Terdapat banyak lagi implikasi sosiologi yang penting dalam skema pemikiran Mead. Sosialisasi telah menukar sifat manusia supaya memainkan peranan secara efektif. Kawalan sosial menjadi penting dan kemestian hanyalah kawalan diri. Perubahan sosial lebih menjadi proses asal yang berterusan dalam kehidupan manusia secara berkumpulan daripada menjadi hasil berasal bagi faktor yang tidak berkaitan dalam struktur yang mantap. Kehidupan manusia secara berkumpulan lebih dilihat sebagai sesuatu yang sentiasa tidak lengkap dan masih dalam pembinaan daripada berpindah dari satu keadaan yang lengkap ke satu keadaan yang lain. Kecelaruan sosial tidak dilihat sebagai pemecahan struktur yang sedia ada tetapi dilihat sebagai ketidakupayaan untuk mengarahkan tindakan

secara efektif dalam menghadapi situasi yang diberikan. Memandangkan tindakan sosial mempengaruhi masa depan seseorang, maka ia dianggap mempunyai dimensi sejarah yang harus diambil kira untuk memberikan pemahaman yang mencukupi.

Sebagai kesimpulannya, perbincangan ini telah melangkaui skema Mead terutamanya bahagian terpenting, iaitu tentang sosialisasi manusia. Seterusnya, penulis tidak mencuba menunjukkan kesahihan analisisnya tetapi, telah cuba memberikan implikasi yang baru, produktif dan revolusioner tentang pandangannya.

## RUJUKAN

- Aboulafia, M. (1986). Habermas and Mead on universality and individuality. *Constellations*, 2: 95–113.
- Ames, V.M. (1967). Buber and Mead. *Antioch Review*, 27: 181–191.
- Baldwin, J. (1986). *A unifying theory of sociology*. Boston: Sage.
- Blumer, H. (1973). *Theory of social interaction*. Boston: Little Brown.
- Cook, G. A. (1993) . *The making of a social pragmatist*. Illinois: University of Illinois.
- Hamilton, P. (1993). *Critical assessments*. New York: Routledge.
- Joas, Hans. (1993). *Pragmatism and social theory*. Chicago: University of Chicago.
- Mead, G. H. (1934). *Mind, self and society*. Chicago: University of Chicago.
- Miller, D. L. (1973). *Language and the world*. Chicago: University of Chicago.
- Natason, M. (1969). *The social dynamics of G. H. Mead*. New York: Public Affairs Press.
- Parsons, T. (1965). *Towards a general theory of action*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Pfuetze, M. (1965). *Social structure of man*. New York: Random House.

- Rosenthal, S. (1991). *Mead and Merleau: toward a common vision*. New York: University of New York Press.
- Rucker, D. (1969). *The Chicago pragmatist*. Boston: University of Minnesota Press.
- Smith, T. V. (1970). The social philosophy of G. H. Mead. *Social Psychology*, 7: 34–56.
- Strauss, A. (1998). Introduction on G. H. Mead. *Social Psychology*, 40: 45–78.

a. Dalam konteks sosiologi pemikiran Mead ini merupakan sebuah teori tentang pengembangan diri manusia.

b. Dalam konteks sosiologi pemikiran Mead ini merupakan sebuah teori tentang pengembangan diri manusia.

c. Dalam konteks sosiologi pemikiran Mead ini merupakan sebuah teori tentang pengembangan diri manusia.

d. Dalam konteks sosiologi pemikiran Mead ini merupakan sebuah teori tentang pengembangan diri manusia.

e. Dalam konteks sosiologi pemikiran Mead ini merupakan sebuah teori tentang pengembangan diri manusia.

f. Dalam konteks sosiologi pemikiran Mead ini merupakan sebuah teori tentang pengembangan diri manusia.

g. Dalam konteks sosiologi pemikiran Mead ini merupakan sebuah teori tentang pengembangan diri manusia.

h. Dalam konteks sosiologi pemikiran Mead ini merupakan sebuah teori tentang pengembangan diri manusia.

## **Maklumat Am**

Selaras dengan rasional yang telah dinyatakan, jurnal ini memuatkan rencana-rencana yang boleh menyumbang ke arah tercapainya tujuan dan objektif yang berikut:

### Tujuan:

- ◆ Untuk memupuk perkembangan ikhtisas para guru yang berkhidmat
- ◆ Untuk mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di Malaysia

### Objektif:

- ◆ Untuk menggalakkan perbincangan tentang isu dan masalah pendidikan
- ◆ Untuk mengemukakan idea tentang pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah
- ◆ Untuk memberi sumbangan ke arah penyelesaian masalah pendidikan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi
- ◆ Untuk menyebarkan maklumat tentang kegiatan serta peristiwa dan peluang pendidikan untuk guru dan pensyarah

## **Maklumat untuk Penulis**

1. Dua salinan manuskrip yang jelas perlu disampaikan berserta disket (dalam Microsoft Word). Panjangnya hendaklah tidak melebihi 5,000 patah perkataan. Manuskrip berkenaan haruslah ditaip pada jarak dua baris di atas sebelah muka kertas yang berukuran A4 dengan mempunyai sempadan yang secukupnya.
2. Sinopsis/abstrak dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris hendaklah disertakan bersama-sama manuskrip dalam Bahasa Inggeris atau sebaliknya. Panjangnya hendaklah tidak melebihi 300 patah perkataan. Sinopsis/abstrak dalam kedua-dua bahasa perlulah membincangkan perkara yang sama.
3. Semua jadual, rajah dan sebagainya perlu dimasukkan seminimum mungkin. Ia mestilah dalam bentuk yang sesuai untuk penerbitan jurnal.
4. Setiap rujukan dengan nama pengarang dan tahun penerbitan harus dinyatakan dalam manuskrip. Sekiranya terdapat lebih daripada satu rencana yang diterbitkan dalam tahun yang sama dirujuk – abjad-abjad a, b, c, dan lain-lain

harus digunakan pada hujung tahun penerbitan tersebut. Rujukan-referensi yang lengkap harus diberi pada hujung rencana dalam bentuk standard berikut:

- Buku : Scott, Peter. (1984). *The crisis of the university*. London: Croom Helm.
- Rencana : Cremin, Lawrence, A. (1983). The problematics of education in the 1980s: some reflections on the Oxford Workshop. *Oxford Review of Education*, 9: 33-40.
- Bab daripada buku : Willis, P. (1983). Cultural production and theories reproduction. Di dalam L. Barton dan S. Walker. (eds.). *Race, class and education*. London: Croom Helm.

Tajuk jurnal tidak boleh diringkaskan.

5. Draf awal akan dihantar kepada para penulis untuk membuat pembetulan sekiranya masa mencukupi untuk membuat demikian. Draf awal yang telah dibetulkan harus dikembalikan kepada Ketua Editor dalam tempoh tiga (3) hari. Perubahan yang ekstensif tidak akan diterima.
6. Penulis yang rencananya diterima untuk diterbikan akan menerima dua (2) buah jurnal yang berkenaan secara percuma.

## **General Information**

In accordance with rationale outlined in the inside cover, this journal solicits articles that contribute towards the achievement of the following aims and objectives:

### Aims:

- ◆ To promote the professional growth of practicing teachers
- ◆ To improve the quality of teachers' education in general and in Malaysia in particular

### Objectives:

- ◆ To stimulate discussion on educational issues and problems
- ◆ To offer ideas on teaching and learning in schools
- ◆ To contribute towards the solution of educational problems encountered in schools and higher learning institutions
- ◆ To disseminate information on educational events and opportunities available to teachers and teacher educators

### **Notes for Contributors**

1. Two clear copies of the manuscript with diskette (in Microsoft Word) should be submitted, typed double-space on one side of A4 size paper. The manuscript should not exceed 5,000 words.
2. Synopsis/abstract in Bahasa Malaysia and English should accompany every manuscript in English and vice versa. Synopsis/abstract in both languages should discuss the same matter.
3. Tables, figures, etc., should be kept to a minimum. They should be in the form that are to appear in the journal.
4. Reference should be indicated in the manuscript by giving the author's name, with the year of publication in parentheses. If several papers by the same author and from the same year are cited – a, b, c, etc., should be put after the year of publication. The references should be listed in full at the end of the paper in the following standard form:

- Books : Scott, Peter. (1984). *The crisis of the university*. London: Croom Helm.
- Articles : Cremin, Lawrence, A. (1983). The problematics of education in the 1980s: some reflections on the Oxford Workshop. *Oxford Review of Education*, 9: 33-40.
- Chapters taken from book : Willis, P. (1983). Cultural production and theories of reproduction. In L. Barton and S. Walker. (eds.). *Race, class and education*. London: Croom Helm.

Title of journals should not be abbreviated.

5. Proofs will be sent to authors if there is sufficient time to do so. They should be corrected and returned to the Chief Editor within three (3) days. Major alterations to the text cannot be accepted.
6. Author(s) of article accepted for publication will receive two (2) complimentary copies of the issue in which the article appears.

## SUBSCRIPTION FORM

### PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Website: <http://www.penerbit.usm.my> \* E-mail: fazlina@notes.usm.my



Name : \_\_\_\_\_

Address : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Zip code : \_\_\_\_\_

Tel : \_\_\_\_\_

Fax : \_\_\_\_\_

E-mail : \_\_\_\_\_

I would like to subscribe \_\_\_\_\_ copy/copies of the following:

	Local	Foreign	
Individuals	RM20.00	<input type="checkbox"/>	USD15 <input type="checkbox"/>
Institutions	RM30.00	<input type="checkbox"/>	USD25 <input type="checkbox"/>

\*Previous issues are available on request and are subjected to availability.

Date of commencement of subscription (DD/MM/YY): \_\_\_\_\_

Payment should be made in Malaysian Ringgit or US Dollar. All crossed cheques or money order should be made payable to: BENDAHARI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

Please send payment to:

*Jurnal Pendidikan dan Pendidikan  
Penerbit Universiti Sains Malaysia  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang  
MALAYSIA*